

# Akta Saraan Hakim Syarie akan disegera

PM beri jaminan pelaksanaan ke arah usaha martabatkan Mahkamah Syariah

Oleh Fahmy A Rosli  
fahmy.azril@bh.com.my

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan kerajaan akan menyegerakan pelaksanaan Akta Saraan Hakim Syarie bagi memartabatkan status hakim Mahkamah Syariah di negara ini.

Ketika ini, kata Perdana Menteri, cadangan berkenaan sedang dipertimbangkan kerajaan dan jika ia menjadi kenyataan, diharapkan tiada lagi pandangan merendahkan status hakim syarie di negara ini.

Menurutnya, jika akta berkenaan diwujudkan, ia juga boleh menyeimbangkan di antara Skim Perkhidmatan Kehakiman Syariah yang ketika ini mengikut skim saraan Pegawai Tadbir dan

Diplomatik (PTD) dengan skim perkhidmatan kehakiman sivil.

Untuk rekod, Skim Saraan Hakim Syarie sedia ada diletakkan di bawah Skim PTD kerana hakim syarie tergolong sebagai pegawai perkhidmatan awam.

"Insya-Allah, saya minta Menteri Agama (Menteri Hal Ehwal Agama, Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar) untuk menyegerakan RUU (Rang Undang-Undang) ini. Kita angkat supaya ada Akta Saraan Hakim Syarie agar dapat ditingkatkan.

"Saya mudah sahaja, runding baik-baik, selesai," katanya ketika berucap merasmikan Konvensyen Memartabatkan Perundangan dan Kehakiman Syariah Malaysia, di sini semalam.

Yang turut hadir Mohd Na'im dan Menteri Pendidikan, Fadhlina Sidek.

Katanya, akta baharu itu perlu untuk memberi kekuatan dan keberanian kepada hakim syarie, selain membantu mereka mengaplikasikan perundangan dengan lebih berwibawa, sekali gus memartabatkan institusi Mahkamah Syariah.

Sementara itu, Mohd Na'im

berkata, konvensyen semalam yang julung kali diadakan, bertujuan memperkasa perundangan dan kehakiman syariah serta memperhebatkan masalah agama, negara dan ummah.

"Agenda memartabatkan perundangan dan kehakiman syariah di Malaysia menjadi tonggak penting kepada Pelan Transformasi Al-Falah yang digerakkan Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama).

"Ia sebagai pelantar penambahbaikan pentadbiran hal ehwal Islam," katanya dan menambah konvensyen itu juga langkah susulan bagi golongan ilmunan, ahli undang-undang, termasuk pentadbir untuk berkongsi pengetahuan dan menganalisis isu semasa.

Dari pentas berkenaan, beliau berkata, usul dan cadangan boleh dikemuka ke arah memperkukuh sistem perundangan dan kehakiman syariah di negara ini.

"Mudah-mudahan dengan semangat muzakarah dan musyawarah, konvensyen ini akan mencapai keputusan bermakna dan menghasilkan langkah praktikal untuk meningkatkan sistem perundangan dan kehakiman syariah di Malaysia," katanya.